

SIARAN AKHBAR

IPMUDA BERHAD PEMBEKAL BAHAN BINAAN PATUH SHARIAH PERTAMA DI MALAYSIA

- Tanda aras baharu untuk amalan perniagaan beretika dan tanggungjawab sosial korporat
- Dipelopori oleh Jawatankuasa Shariah Dalaman dan Penasihat Shariah Dilantik

KUALA LUMPUR, 1 SEPTEMBER 2021 – IPMUDA Berhad (“IPMUDA” atau “Syarikat”) hari ini melancarkan prosedur patuh shariah, menjadikan ia syarikat pembekal bahan binaan patuh shariah pertama di Malaysia.

Pelancaran ini bertujuan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan dan rakan-rakan niaga. Sebuah jawatankuasa shariah melibatkan wargakerja IPMUDA telah dibentuk dengan bimbingan penasihat shariah yang dilantik untuk memastikan penerapan dan pentafsiran prinsip-prinsip shariah yang tepat dalam keseluruhan perniagaan bahan binaan. Ini susulan daripada pelan transformasi yang telah dipelopori sejak pertengahan tahun lalu oleh pemegang saham dan barisan kepimpinan syarikat yang baru. Susulan daripada pertukaran pegangan saham dan barisan kepimpinan, IPMUDA kini juga telah menceburi bidang tenaga boleh diperbaharui (renewable energy) dan kesihatan (healthcare).

“Ini merupakan langkah tambahan bagi IPMUDA yang sebelumnya telahpun diiktiraf sebagai sekuriti patuh shariah oleh Majlis Penasihat Shariah Suruhanjaya Sekuriti. IPMUDA ingin memastikan tahap perkhidmatan yang lebih baik dapat diberikan kepada semua pelanggan, rakan niaga, dan lebih penting lagi, komuniti setempat,” kata Jeffri M. Yusup, Ketua Pegawai Eksekutif.

“Langkah ini juga akan memberi kelebihan persaingan (competitive advantage) khas yang hanya terdapat di IPMUDA,” tambahnya

Menyemarakkan hubungan perniagaan yang lebih beretika

Prosedur patuh shariah ini dapat mengetengahkan amalan perniagaan beretika dan tanggungjawab sosial korporat melalui terma dan syarat perjanjian yang telus, lantas mengelakkan syarat terselindung, khususnya dari segi caj dan fi tambahan.

Langkah ini akan diperkenalkan kepada semua produk bahan binaan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh segmen perniagaan bahan binaan syarikat, antaranya, jubin, barang besi, alat kelengkapan sanitari, dan sistem rumah pasang siap (IBS) termasuk jenama keluaran syarikat seperti *Ortolani*, *Concord* dan *Duraset*.

Syarikat juga akan menghentikan sebarang faedah kompaun atau denda terhadap pelanggan dengan hanya hanya **mengenaikan caj berdasarkan kos sebenar daripada tunggakan bayaran, selaras dengan prinsip ta'widh shariah**. Sebarang lebih kutipan melangkaui kos sebenar akan disalurkan kepada organisasi kebajikan yang memberi manfaat kepada komuniti setempat. Secara khusus, IPMUDA akan menyalurkan bantuan berkaitan dengan aktiviti utama syarikat seperti pembekalan tenaga hijau di kawasan pedalaman melalui pemasangan panel solar dan turbin mikro hidro.

Tambahan lagi, pelanggan yang membuat bayaran atau penjelasan awal akan menikmati lebih keuntungan melalui **rebat dan harga lebih murah di bawah prinsip Ibra' shariah**.

Prosedur patuh shariah juga akan **memastikan keadilan kepada pelanggan melalui layanan saksama dan penghapusan amalan tawar menawar yang tidak kompetitif dan setara**. Ini dapat menyemarakkan komunikasi yang lebih efektif diantara dua pihak sekaligus mengeratkan hubungan perniagaan dengan pelanggan sedia ada dan baharu.

"Penerapan prosedur shariah di dalam perniagaan kami dapat bertindak sebagai mekanisme untuk menawarkan insentif yang menarik dan unik kepada pelanggan," tambah Jeffri

Dari sisi korporat, prosedur shariah akan mempersingkat tempoh kutipan bayaran dan mempertingkatkan bayaran awal lantas menjamin pengurusan aliran tunai syarikat. Ini juga akan meningkatkan keyakinan dan kesetiaan pelanggan melalui perkhidmatan yang lebih baik dan mesra pelanggan.

Komited kepada prinsip ESG

"Langkah ini melengkap aspirasi IPMUDA untuk menjadi organisasi yang menitikberatkan tanggungjawab sosial. Kami sedang mempersiapkan semua inisiatif ESG kami merentasi semua segmen perniagaan. Segmen perniagaan Tenaga Yang Boleh Diperbaharui dan Kesihatan, secara dasarnya, berada dalam ruangan lestari - dan kini segmen bekalan bahan binaan akan menyertai perjalanan yang sama ke arah masa depan yang lebih lestari," tambah Jeffri.

Syarikat percaya semua pemegangtaruh berpotensi untuk mendapat keuntungan dari hubungan perniagaan yang lebih telus, amalan beretika dan harga berdaya saing dengan ketiadaan caj tersembunyi. Secara keseluruhan, ini akan mengurangkan kesenjangan ekonomi, mempromosikan tanggungjawab bersama, serta menambahbaik standard tadbir urus korporat.

"DI IPMUDA, kami mahu berkhidmat sebagai pemicu amalan perniagaan yang beretika dan bertanggungjawab. Kami percaya dengan konsep tanggungjawab bersama dalam menyediakan produk-produk dan perkhidmatan, manakala pelanggan dan komuniti merupakan pemegangtaruh penting yang perlu dilayan dengan lebih baik. Kami berharap pemain-pemain industri yang lainnya akan mengikut jejak langkah ini dan menerapkan prosedur-prosedur shariah ini jua," rumus Jeffri.

- Tamat -

About IPMUDA Berhad

Driven by stakeholder value creation, IPMUDA has evolved from being the premier supplier of customised building solutions to a sustainable high-performing diversified organisation, involved in key growth sectors namely renewable energy, healthcare and trading.

Since its inception in 1975, and the ensuing listing on the Main Bourse of Kuala Lumpur Stock Exchange (Bursa) in 1993, IPMUDA has undergone a comprehensive transformation to inject vigour to our journey of continuous and sustainable growth.

The Group has expanded its stable of assets and operations to include renewable energy and healthcare through its solar and hydro plants as well as a private healthcare facility. The Group will continue to meet the growing clean energy and healthcare needs of the communities and future generations.

IPMUDA Berhad remains steadfast in achieving its aspirations to become a leading regional player, with a focus on governance and sustainability in all that we do.

Media Contact:

Izzat Alhadjri

Senior Vice President 1/Head, Corporate Communications

+60192180792

www.ipmuda.com.my

Photos and captions:



Jeffri M. Yusup
Chief Executive Officer
High Res Photo: <https://bit.ly/2Y9M12s>



IPMUDA Logo
High Res Photo: <https://bit.ly/3zutA6r>

IPMUDA'S Trading Highlight Products:



Basico, Tiles Series

High Res Photo: <https://bit.ly/3jtG88u>



Concorde, Ironmongery

High Res Photo: <https://bit.ly/3yyp2fu>



Ortolani, Sanitarywares & Fittings

High Res Photo: <https://bit.ly/3BqOowb>